

TRANSLATION

KEMPEN “Riang Raya dengan DuitNow”

TERMA DAN SYARAT

1. Kempen

- 1.1 Kempen promosi “Riang Raya dengan DuitNow” oleh Public Bank Berhad 196501000672 (6463-H) (“**Kempen**”) akan bermula pada 19 Mei 2020 hingga 7 Jun 2020, termasuk kedua-dua tarikh tersebut (“**Tempoh Kempen**”).

2. Kriteria Kelayakan dan Yang Melayakkan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan Perbankan Peribadi PB Public Bank Berhad (“PBB”) dan Public Islamic Bank Berhad (“PIBB”) baharu dan sedia ada (“Pelanggan”). Kakitangan Kumpulan Public Bank tidak layak untuk mengambil bahagian.
- 2.2 Untuk mengambil bahagian, Pelanggan perlu membuat satu urusan niaga minimum DuitNow sebanyak RM30 melalui PBe atau PB engage.
- 2.3 Pelanggan dibenarkan untuk membuat beberapa pindahan DuitNow dalam sehari. Bagaimanapun, hanya urusan niaga DuitNow penerima yang berlainan akan dikira.
- 2.4 Pindahan DuitNow yang berulang kepada benefisiari yang sama pada hari yang sama akan dikira sebagai satu (1) penyertaan.
- 2.5 Tiga puluh (30) pelanggan yang layak akan dipilih sebagai pemenang setiap hari semasa Tempoh Kempen.
- 2.6 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Pelanggan: -
 - i. bersetuju bahawa terma dan syarat yang mengawal pendaftaran dan penggunaan PBe dan PB engage akan terus diterima pakai;
 - ii. bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini dan bahawa keputusan PBB adalah muktamad; dan
 - iii. bersetuju untuk mengakses laman web PBB melalui www.pbepbank.com secara berkala untuk membaca Terma dan Syarat ini dan memastikan bahawa beliau mengetahui perkembangan terkini mengenai apa-apa perubahan.

3. Tempoh Kempen

3.1 Tempoh Kempen berlangsung selama dua puluh (20) Hari Kempen dari 19 Mei hingga jam 23:59:59, 7 Jun 2020.

4. Hadiah Kempen

4.1 Hadiah Tunai Harian sebanyak RM50 akan diberi kepada tiga puluh (30) orang pemenang semasa Tempoh Kempen selama dua puluh (20) hari.

4.2 Hadiah tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh dirundingi.

5. Mekanisme Kempen

5.1 Hadiah Tunai Harian:

- i. Dengan penyertaan terkumpul pada setiap akhir Hari Kempen, PBB akan memilih 30 orang pemenang berdasarkan kriteria yang ditentukan terlebih dahulu iaitu bilangan penyertaan yang layak dibahagi dengan 30. Misalnya, sekiranya terdapat 3,000 penyertaan dalam satu Hari Kempen, jumlah penyertaan akan dibahagi dengan 30 dan pemenang yang disenarai pendek ialah setiap peserta yang layak ke-100, misalnya ke-100, ke-200, ke-300 dan seterusnya.
- ii. Pemenang Hadiah Tunai Harian tidak layak untuk hadiah tunai harian pada Hari Kempen berikutnya.
- iii. Sekiranya pemenang hadiah tunai terpilih sebanyak dua kali, pemenang rizab yang berikutnya akan dipilih sebagai pemenang.

5.2 Setiap peserta yang layak hanya berhak untuk memenangi satu (1) Hadiah Tunai Harian sepanjang Tempoh Kempen.

5.3 Pemilihan akhir para pemenang adalah atas budi bicara PBB. Keputusan PBB dalam semua hal berkaitan dengan Kempen adalah muktamad.

5.4 Pemenang yang disahkan akan dimaklumkan melalui SMS dan satu senarai pemenang akan disiarkan dalam laman web PBB dalam tempoh 30 hari sebelum berakhirnya Tempoh Kempen.

5.5 Hadiah Tunai akan dikreditkan dalam akaun pemenang melalui DuitNow satu (1) hari selepas senarai pemenang disiarkan dalam laman web PBB.

- 5.6 Pengkreditan Hadiah Tunai tertakluk pada akses pemenang kepada Perbankan Internet PBe dan akaun semasa/simpanannya yang aktif dan wujud pada waktu pengkreditan.
- 5.7 PBB berhak untuk meminta bukti identiti atau mengesahkan kelayakan syarat dan potensi penyertaan yang menang.

6. Hak PBB

- 6.1 PBB boleh meminda, memotong dan/atau membuat penambahan pada Terma dan Syarat ini dengan notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar dalam laman web PBB atau melalui kaedah komunikasi yang diluluskan dan pindaan, pemotongan atau penambahan itu hendaklah dikuatkuasakan pada tarikh yang ditentukan oleh PBB. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, peserta yang layak bersetuju untuk mematuhi pindaan, pemotongan atau penambahan Terma dan Syarat yang dinyatakan di atas.

Untuk membaca Notis Kerahsiaan PBB mengenai bagaimana PBB menggunakan maklumat anda atau sekiranya anda ingin menerima maklumat mengenai produk dan perkhidmatan PBB termasuk tawaran promosi dan bahan pemasaran PBB, sila layari www.pbebank.com atau kunjungi mana-mana cawangan PBB.